

Headline	Bank diminta bantu pemaju hartaanah bumiputera Abd. Latif
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)
Date	04 Jun 2015
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga minyak
Page No	22
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



ABD. LATIF BANDI (tiga dari kiri) bersama (dari kiri) Sakeri Maming, Mohd. Nasir Md. Rashid, Yusra Sabar, Yusof Abd. Rahman dan Loke Yan Wai membuat gilirk pelancaran semasa Majlis Pecah Tanah Projek Pangaspuri Mampu Milik Tampoi Heights di Johor Bahru, kelmarin.

Bank diminta bantu pemaju hartaanah bumiputera - Abd. Latif

JOHOR BAHRU 3 Jun - Pihak perbankan diharap dapat memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat pemaju hartaanah bumiputera yang terlibat dalam pembinaan projek perumahan di negeri ini, terutama kategori kediaman mampu milik.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abd. Latif Bandi berkata, kekangan kewangan adalah antara masalah yang dihadapi pemaju bumiputera namun nilai kepercayaan bank seharusnya bersandarkan latar belakang perniagaan.

"Soal pinjaman tidak semesti orang tiada duit, selain nilai kepercayaan kita tahu bank perlu bukti untuk meluluskan pinjaman. (Pinjaman) bukan sekadar kertas kerja

tetapi latar belakang syarikat boleh dijadikan sandaran.

"Jika usaha ini dilakukan bank lain, maka untuk kita capai 30 peratus ekuiti bumiputera dalam ekonomi itu boleh dijayakan," katanya pada sidang akbar selepas Majlis Pecah Tanah Projek Pangaspuri Mampu Milik Tampoi Heights, di sini semalam.

Yang turut hadir Pengerusi BMAH Properties Sdn. Bhd. (BMAH Properties), Mohd. Nasir Mohd. Rashid; Pengarah BMAH Properties Sdn. Bhd., Sakeri Maming; Pengerusi Bank Persatuan, Datuk Yusra Sabar dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Persatuan, Datuk Yusof Abd. Rahman.

Projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM300 juta itu dibangunkan pemaju hartaanah bumiputera, BMAH Properties den-

gan pinjaman diberikan oleh Bank Persatuan dalam proses pembelian tanah, pembinaan serta sewa beli.

Abd. Latif turut menyambut baik kerjasama Bank Persatuan dengan BMAH Properties kerana

harga yang ditawarkan adalah rendah sehingga RM200,000 untuk apartmen berkeluasan 805 kaki persegi dan RM400,000 untuk keluasan 950 kaki persegi.

"Dari segi projek pembangunan strata kita kawal, ada yang kita benarkan contohnya dari segi harga seperti ini. Kita tidak mahu lulus begitu banyak kerana pangaspuri perkhidmatan sudah terlalu banyak."

"Kita mahu usahawan bumiputera membangunkan projek seperti ini supaya menjadi kayu pengukur untuk menyertai industri hartaanah Johor," katanya.